

Kehilangan Yang Merugikan Umat Islam Singapura

Ṣahibul al-faḍīlah al-‘alāmah al-Sayyid Abdullah bin

Syaikh Bilfaqih, seorang ulama yang kenamaan dan terbilang, seperti yang tersiar dalam bulan yang lalu telah kembali ke rahmatullah Ta‘ālā pada 28 Oktober 1962 dalam usia 67 tahun.

Kembalinya ke rahmatullah Ta‘ālā, dalam masa keadaan dunia Islam kita di sini sebegini rupa keadaannya, adalah menjadi satu kerugian yang sangat besar kepada umat Islam. Kematian seorang ulama adalah sangat merugikan terutamanya seperti keadaan al-marhum al-Sayyid Abdullah Bilfaqih yang banyak sekali jasanya itu. “Kematian satu kabilah (satu puak atau golongan manusia) tidaklah dapat menyamai seperti kematian seorang ulama”, kata hadith Nabi. Ini bertambah lagi ke atas ulama *al-‘āmilīn* seperti al-marhum al-Sayyid Abdullah Bilfaqih.

Riwayat hidup beliau, kalau di kaji, adalah terang mengikut kepada tradisi, datuk nenek beliau dalam mengembangkan agama disebabkan usaha beliau di dalam masa hayatnya tidak sama sekali digantungkannya kepada kebendaan bahkan usaha beliau yang dijalankannya siang malam adalah dengan jalan Allah Ta‘ala – tidak sekali-kali memberatkan kebendaan atau nama. Beliau adalah salah seorang ulama yang sangat mahir dalam ilmu fiqh, terutamanya di dalam mazhab al-Imam al-Shāfi‘ī. Beliau beramal dengan apa yang diajarkan kepada beliau.

Beliau adalah diperanakkan di Singapura. Pada masa umur beliau meningkat 12 tahun, beliau dihantarkan mengaji ke Tarim Ḥaḍramaut. Disana beliau terus masuk ke dalam Ribat (pondok) yang dikelolakan oleh al-Sayyid Abdullah bin Amri al-Shatiri, seorang ulama yang terkenal dan ternama di Tarim



Al-Marhum al-Sayyid Abdullah bin Syaikh Bilfaqih

* * *

Al-Marhum al-Sayyid Abdullah Bilfaqih belajar di sana, dan kemudian beliau mengajar pula di Ribat itu.

Kemudian, tidak lama antaranya beliau mengajar di sekolah Jamiyah al-Haq. Mulanya sebagai guru dan kemudian menjadi mudir di madrasah itu.

Balik Ke Singapura

Pada tahun 1926, beliau balik ke Singapura. Apabila Madrasah al-Junayd al-Islamiyah dibuka pada tahun 1927, beliau menjadi salah seorang guru yang mengajar di situ di dalam bahagian ilmu fiqh.

Beliau mengajar sehingga tahun 1939 dan pada tahun 1951, beliau mengajar semula di Madrasah al-Junayd, kemudian sebagai mudirnya sehingga akhir hayat beliau.

Semenjak dari beliau tiba di Singapura pada tahun 1926, beliau terus menerus pula mengajar orang-orang dewasa, pagi, petang dan di sebelah malam. Beliau mengajar pula wanita-wanita dengan suatu cara dan keyakinan beliau iaitu perempuan-perempuan itu hendaklah berhajat. Kalau beliau mengajar di rumahnya, beliau duduk seorang diri dibiliknya dan perempuan-perempuan mendengar syarahannya di luar. Kalau di tempat-tempat terbuka, maka beliau mengajar memakai tabir. Ini bererti bahawa beliau menjaga keras ayat-ayat hijab yang diturunkan untuk orang-orang Islam. Beliau amalkan keyakinan beliau itu.

Di dalam masa setahun dua yang akhir-akhir ini beliau sangat kuat mengajar sehingga beliau telah mengidap penyakit lemah jantung. Sesudah sembuh sedikit, maka al-marhum ini mengajar semula siang malam, pagi, setelah subuh mengajar di rumahnya, kemudian di sekolah dan sebelah petang dan malamnya di rumahnya.

Pada malam beliau meninggal dunia, beliau masih mengajar lagi. Pada subuh beliau meninggal, murid-muridnya datang hendak belajar. Beliau suruh tunggu sebentar di luar kerana beliau menghabiskan wiridnya. Beliau duduk menghadap ke kiblat seorang diri di biliknya dan isterinya pergi ke belakang.

Apabila murid-murid beliau bertanya, barangkali beliau uzur maka isteri beliau masuk ke dalam biliknya dan didapati beliau dengan bersandar menghadap kiblat telah kembali ke rahmatullah Ta'ālā.

Sebelum dimandikan lagi, penulis dapat menatap wajah beliau. Penulis hampir tidak percaya yang beliau meninggal, beliau seakan-akan orang yang tidur sangat lelap dengan tidak ada perubahan sedikit pun pada muka beliau.

Sifat-sifatnya

Walau bagaimana pun orang-orang mengata beliau, beliau berdiam dan menjumpai sahaja orang-orang itu seperti biasa



*Al-Marhum al-Sayyid Abu Bakar bin Taha al-Sagoff,
bekas murid Madrasah al-Junayd al-Islamiyah, Singapura
dan sahabat karib al-Marhum al-Sayyid Abdullah Bilfaqih*

* * *

Sesiapa jua yang datang ke rumahnya, walau kanak-kanak sekali pun di layan dengan baik, dengan bahasa yang baik dan tutur kata yang baik.

Beliau tidak putus-putusnya menziarahi sahabat handai dan kenalannya. Kalau beliau dijemput, beliau mengambil berat benar menyampaikan hajat penjemput-penjemput itu sekalipun beliau tidak makan apa-apa kerana keuzuran beliau.

Beliau tidak pernah mengerut dan marah. Beliau tegur sesiapa pun dengan tegur sapa yang lemah lembut. Tetapi beliau tetap di dalam pendiriannya. Beliau dari mudanya hingga akhir hayatnya terus beramal dengan mengajar dengan tidak mengharapkan sesuatu kebendaan pun. Beliau mengajar di pandangnya sebagai suatu kewajipan jihad yang mesti dibuat.

Tentang orang mahu tidak mahu belajar bukanlah kewajipan beliau sebagai seorang ulama. Tugas beliau sudah pun ditunaikannya.

al-Marhum al-‘Alāmah al-Syed Alwi bin Tahir al-Haddad

Dengan sedihnya diberitakan, ṣahibu al-faḍilah Datuk al-Syed Alwi bin Tahir al-Haddad, bekas mufti kerajaan Johor, telah kembali ke rahmatullah Ta‘ālā, dalam usia 81 tahun.

Jenazahnya selamat dikebumikan di Johor Baharu pada 17 Jamadī al-Akhīr 1382.) 14 November 1962). Kematiannya sesungguhnya merugikan masyarakat Islam di negeri ini.

Beliau memegang jawatan mufti kerajaan Johor selama 28 tahun.

Mudah-mudahan Allah ‘Azza wa Jalla mencucuri rahmat dan dihimpunkan rohnya dalam kumpulan ahli al-Jannah serta diberi sabar kepada kaum keluarga dan sahabat handainya.

Beliau adalah pengasas Jamiyah. Beliau juga ialah anggota terus menerus Majlis Penasihat Islam semenjak daripada ditubuhkan.

Pada masa yang akhir-akhir ini, beliau pernah beberapa kali datang ke pejabat Qalam dan berpesan supaya terus menerus memperjuangkan hak agama yang sentiasa menghadapi ancaman-ancaman dan sekatan-sekatan setengah-setengah golongan yang akan mempersuaikan hukum agama dengan keadaan kemahuan mereka.

Ringkasnya, bahawa ulama seperti al-marhum al-‘Alāmah al-Sayyid Abdullah Bilfaqih, adalah sebagai bukti dan contoh bahawa ulama tidak pernah berdiam diri di dalam menyampaikan tugasnya kepada umat. Apakah ulama-ulama akan disalahkan kalau berlaku sesuatu perkara di dalam masyarakat?

Orang yang jahil sahaja akan berkata begitu. Sedang agama Islam, di dalam perkembangannya tidak dipikul hanya oleh alim ulama, tetapi dipikul oleh segala sendi masyarakat. Orang-orang atau golongan-golongan yang membusuk-busukkan alim ulama adalah tujuannya tidak lain untuk merenggangkan anak-anak muda atau umat Islam sendiri dari mendapat panduan kepada agamanya.

Tugas untuk mengajar sudah pun ditunaikan

oleh seorang ulama besar, al-marhum al-Sayyid Abdullah bin Syaikh Bilfaqih semenjak dari mudanya hingga akhir hayatnya.

Mudah-mudahan dengan usaha beliau dengan Allah Ta‘ālā itu tidaklah termasuk di dalam golongan yang dimurkai Tuhan seperti yang tersebut di dalam surah al-Ṣaf yang maksudnya: “Hai orang-orang yang beriman! Mengapa kamu berkata apa yang kamu tidak kerjakan? Besar kemurkaan Allah kerana kamu berkata apa yang kamu tidak kerjakan.”

Beliau telah mengajar. Banyak murid-muridnya di Hadaramawt yang telah menjadi orang-orang yang terkemuka di dalam lingkungan agama. Berserak murid-murid beliau di Singapura, Persekutuan Tanah Melayu, di Sumatera, di Kalimantan Utara, Brunei, Sarawak, Banjar, Filipina dan juga Tanah Jawa.

Mudah-mudahan amal beliau diterima Allah dan mudah-mudahan Allah mencucuri rahmatnya kepada al-marhum dengan dilimpahkannya selimpah-limpahnya dan dihimpunkannya beliau di dalam golongan ahli al-Jannah yang utama - Amin!

Kepada pembaca-pembaca di harap mendoakan beliau dan bersedekah fatimah kepada al-marhum al-Sayyid Abdullah bin Syaikh Bilfaqih.